From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ALUMNI UUM PERKUKUH JARINGAN PENDIDIKAN RENTAS SEMPADAN
Date: Thursday, 17 September, 2026 10:42:22 AM
Attachments: image001.png
image009.png

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Muhammad Kamil Yazid
Gambar oleh: Abdul Razak Abdullah

ALUMNI UUM PERKUKUH JARINGAN PENDIDIKAN RENTAS SEMPADAN



UUM ONLINE: Pusat Islam UUM menerima kunjungan delegasi seramai 60 pelajar dan guru dari Maahad Nuruddin, Khamphee Withya School Yala, Thailand dalam satu lawatan pendidikan yang turut memperkukuhkan hubungan silaturahim dan jaringan akademik antara institusi pendidikan Malaysia dan Thailand.

Lawatan tersebut diketuai oleh Tuan Lukman Chemae, guru di Khamphee Withya School yang juga merupakan graduan Fakulti Teknologi Maklumat (2007) UUM. Latar belakang pendidikan beliau sebagai alumni menjadi salah satu elemen penting dalam menjayakan hubungan dan jaringan pendidikan antara kedua-dua institusi, sekali gus memperlihatkan peranan alumni sebagai penghubung yang membawa nama UUM ke lapangan antarabangsa.

Sepanjang berada di UUM, delegasi berpeluang mengenali dengan lebih dekat peranan dan kemudahan yang disediakan Pusat Islam, selain mengikuti sesi perkongsian motivasi yang disampaikan oleh Dr. Waiebrohim, Pensyarah Antarabangsa di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), UUM.



Sesi tersebut memberikan pendedahan dan motivasi kepada para pelajar berkaitan kepentingan pendidikan dalam kehidupan, pembangunan potensi diri serta aspirasi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Interaksi secara langsung bersama warga akademia antarabangsa ini turut memberi gambaran kepada delegasi mengenai suasana pembelajaran dan kehidupan sebagai mahasiswa di universiti.

Mereka turut mengambil kesempatan menyertai solat Jumaat bersama-sama warga UUM di Masjid Sultan Badlishah. Penglibatan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan ukhuwah antara warga UUM dan para pelawat dari Thailand, malah mencerminkan fungsi masjid sebagai ruang penyatuan masyarakat melalui aktiviti keilmuan, ibadah dan interaksi sosial.

Menariknya, program lawatan diteruskan dengan kunjungan ke Taman Rusa yang menjadi salah satu tarikan dalam komponen edutourism universiti. Para pelajar berpeluang mengenali dengan lebih dekat persekitaran semula jadi, hidupan rusa serta elemen pendidikan berasaskan pengalaman yang ditawarkan di kampus lestari ini.



Pengisian tersebut memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih santai dan interaktif kepada pelajar, di samping memperkenalkan UUM bukan sahaja sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, tetapi juga sebagai destinasi yang mempunyai nilai pendidikan, alam sekitar dan rekreasi.

Pengarah Pusat Islam, Mohd Yusnaidi Md. Sabri berharap hubungan yang terjalin melalui kunjungan ini dapat terus diperkukuhkan menerusi pelbagai bentuk kerjasama pendidikan, kerohanian, pembangunan pelajar dan edutourism UUM.

“Kami sangat mengalu-alukan para alumni yang kini berkhidmat dalam pelbagai bidang dan profesyen, untuk kembali ke kampus, kembali ke masjid kita, dan terus-menerus menabur bakti kepada masyarakat tanpa dibatasi sempadan,” katanya.



Lawatan ini membuktikan bahawa jaringan alumni, pendidikan dan institusi mampu menjadi medium penting dalam memperkukuhkan hubungan Malaysia-Thailand, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Kehadiran alumni sebagai peneraju delegasi turut menyerlahkan nilai jangka panjang hubungan universiti dengan para alumninya, terutama dalam memperluaskan jaringan dunia pendidikan.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.